

Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa

Ibu bapa merupakan insan yang paling penting dalam kehidupan seseorang. Ibu telah _____ (1) seorang anak selama sembilan bulan sepuluh hari dan kemudian melahirkannya. Bapa pula bekerja untuk mendapatkan wang bagi menyediakan keperluan asas kepada keluarga. Sesungguhnya, jasa ibu bapa amat besar kepada diri kita. Setelah meningkat dewasa, sewajarnya anak-anak melaksanakan beberapa _____ (2) kepada ibu bapa.

Tanggungjawab anak yang pertama ialah memberikan _____ (3) kepada ibu bapa. Semasa kecil, anak-anak disayangi oleh ibu bapa dengan sepenuh hati dan kini sampai masanya, anak-anak pula menyayangi ibu bapa dengan sepenuh hati. Kasih sayang kepada ibu bapa boleh ditunjukkan melalui meluangkan masa, pelukan dan pemberian hadiah. Sewajarnya anak-anak memberikan hadiah kepada ibu bapa semasa sambutan _____ (4) dan Hari Bapa. Anak-anak juga boleh membawa ibu bapa ke restoran atau kedai-kedai makan tertentu pada setiap minggu dan ini pastinya akan mengeratkan lagi kasih sayang dalam keluarga.

Setelah bekerja, anak-anak sewajarnya memberikan _____ (5) kepada ibu bapa bagi menyara kehidupan mereka. Dengan wang yang diberi, ibu bapa dapat membeli keperluan harian atau menyimpan wang tersebut sebagai tabungan. Sesungguhnya, perbelanjaan yang dikeluarkan oleh ibu bapa amat banyak untuk membesarkan dan memberikan pendidikan kepada anak-anak. Oleh yang demikian, anak patut memberikan sedikit wang gaji mereka kepada ibu bapa sebagai tanda terima kasih atas jasa mereka. Sebenarnya ibu bapa tidak mengharapkan sangat pemberian wang daripada anak-anak kerana apa yang lebih penting bagi ibu bapa ialah melihat anak-anak mereka berjaya dan bahagia dalam kehidupan.

Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa seterusnya ialah mendapatkan _____ (6) jika ibu bapa sakit. Memang menjadi lumrah bagi setiap manusia apabila usia mula meningkat maka kita akan mula diserang penyakit. Oleh itu, jika ibu bapa sakit, anak mesti menghantar ibu bapa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Anak juga sewajarnya menanggung _____ (7) ibu dan bapa mereka. Jika anak-anak mampu, belilah insurans perubatan bagi membiayai kos perubatan ibu bapa apabila mereka sakit.

Keselamatan ibu bapa juga perlu diberi perhatian oleh anak-anak. Jika anak-anak tinggal berjauhan dengan ibu bapa, pastikan tempat tinggal ibu bapa _____ (8) daripada sebarang ancaman bahaya. Dalam zaman sekarang ini, banyak berlaku rompakan terhadap golongan tua. Anak-anak juga wajar menasihati ibu bapa agar tidak membiarkan pintu rumah sentiasa terbuka kerana _____ (9) akan masuk ke rumah. Selain itu, anak-anak juga patut menasihati ibu bapa agar berhati-hati semasa berada di jalan raya kerana kemalangan boleh berlaku tanpa diduga.

Jika ada cuti dan wang yang lebih, bawalah ibu bapa pergi melancong di dalam atau luar negara. Ibu bapa tentu berasa _____ (10) apabila berpeluang bercuti bersama anak-anak. Antara tempat yang menarik dalam negara untuk dilawati ialah Pulau Langkawi dan Tanah Tinggi Cameron Highlands. Percutian keluarga ini pasti dapat

_____ (11) ibu bapa dan mereka akan terasa dihargai oleh anak-anak. Setelah pulang daripada bercuti, pasti ibu bapa akan berasa lebih tenang dan bahagia.

Sebagai kesimpulan, anak-anak sememangnya mempunyai tanggungjawab terhadap ibu bapa. Jika anak-anak dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap ibu bapa dengan baik, pasti ibu bapa akan _____ (12). Anak-anak juga akan turut berasa gembira dan bahagia. Pada pendapat saya, anak-anak wajar mengambil kesempatan untuk pulang ke rumah ibu bapa apabila menyambut hari perayaan dan

_____ (13) daripada ibu bapa jika telah melakukan kesalahan. Sesungguhnya keluarga yang bahagia akan mendatangkan kebahagiaan kepada masyarakat dan seterusnya wujudlah keharmonian dalam _____ (14).

seronok 如 开心 Hari Ibu 如 母亲节 kos rawatan 如 医疗费用 negara 如 国家 selamat 如 安全 menggembirakan 如 使开心 gembira 如 开心	kasih sayang 如 关爱 mengandungkan 如 怀孕 wang 如 金钱 pencuri 如 小偷 memohon kemaafan 如 请求原谅 tanggungjawab 如 责任 rawatan 如 治疗
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------